

**SOALAN NO: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI  
ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]  
TARIKH : 25 MEI 2016  
SOALAN :**

**YB Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status permohonan Klinik 1Malaysia di kawasan Plentong dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah bilangan Klinik 1Malaysia di rumah-rumah pangsa kos rendah dan sederhana yang sememangnya merupakan kawasan yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi serta golongan yang berpendapatan rendah

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penubuhan Klinik 1Malaysia bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada golongan berpendapatan rendah serta kurang berkemampuan di kawasan Bandar, dengan menyediakan rawatan dan prosedur ringan berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Oleh itu, lokasi di kawasan rumah pangsa kos rendah dan sederhana sememangnya menjadi pilihan utama

bagi penubuhan K1M. Namun ianya turut terikat dengan kekangan ruang yang sesuai serta kerjasama dengan agensi lain, termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menjadi pengurus bangunan, khususnya Rumah Pangsa Kos Rendah dan PPR.

Di daerah Johor Bahru, dari 13 K1M, tujuh (7) daripadanya terletak di dalam kompleks perumahan PPR dan kos rendah manakala selebihnya terletak berhampiran dengan penempatan penduduk berpendapatan sederhana dan rendah. Keluasan minima bagi K1M dengan perkhidmatan asas adalah 1400 kaki persegi. Ini bagi memastikan wujudnya ruang peredaran udara yang cukup bagi mengelakkan berlakunya jangkitan silang.

Mengenai status permohonan Klinik 1Malaysia di Plentong. Kementerian telah meluluskan penubuhannya di Taman Plentong Baru dan kini sedang dalam proses mendapatkan kelulusan Penyewaan Ruang Pejabat oleh Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan Malaysia.